

Patuhi harga sempena Krismas

2019-12-23T20:42:59+08:00
OLEH SITI AISYAH NARUDIN



PENGHARGAAN: Georgie (dua kanan) menyampaikan cenderahati penghargaan kepada wakil pengurusan pasar raya Everrise Imago selepas majlis pelancaran skim berkenaan.

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah akan memastikan semua peniaga mematuhi harga yang ditetapkan Skim Harga Maksimum sempena Krismas tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Sabah Georgie Abas berkata, tidak seperti tahun-tahun sebelum ini, skim berkenaan dilaksanakan selama 10 hari bermula 22 Disember hingga 31 Disember 2019.

Menurutnya, sebanyak 17 jenis barangan di negeri ini terlibat dalam Skim Harga Maksimum Perayaan Krismas 2019.

"Ia termasuklah ayam hidup, ayam standard, ayam super, ayam Belanda import, kepek ayam, daging kambing import, dan telur ayam gred A, B dan C.

"Barangan lain yang turut termasuk dalam skim ini adalah ubi kentang import, kubis bulat import, cili merah, tomato, lada benggala hijau, babi hidup (kawalan di peringkat ladang sahaja), dan daging babi termasuk perut dan lemak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di sini semalam.

Dalam pada itu, pihaknya turut meminta orang ramai untuk berkongsi maklumat jika berlaku sebarang kehaikan harga bagi barangan terkawal dari harga yang ditetapkan.

"Kita ambil serius perkara ini untuk menjaga kebajikan pengguna begitu juga para peniaga kerana penentuan harga ini hasil perbincangan dan kerjasama daripada semua pihak," jelasnya.

Georgie berkata, penentuan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga yang lebih berkesan.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan harga yang berpatutan dan manfaat kepada pengguna dan peniaga.

